

**GARIS PANDUAN
DANA PEMBIAYAAN
CAJ PEMPROSESAN
BAGI JURNAL
BERINDEKS
FAKULTI UNDANG-UNDANG
2026**

1.0 LATAR BELAKANG

Dana Pembiayaan Caj Pemprosesan Jurnal Berindeks FUU 2026 bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan penerbitan artikel ilmiah oleh staf akademik FUU dalam jurnal berindeks yang diiktiraf, selaras dengan agenda kecemerlangan penyelidikan dan penerbitan fakulti.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Membantu menampung caj pemprosesan artikel bagi jurnal berindeks;
- 2.2 Menyokong pencapaian KPI penerbitan fakulti dan universiti;
- 2.3 Menggalakkan keterlibatan staf akademik dalam penerbitan berimpak tinggi.

3.0 SYARAT KELAYAKAN

- 3.1 Terbuka kepada semua pensyarah FUU dengan syarat *'first come first serve'*;
- 3.2 Artikel telah diterima pada tahun semasa ;
- 3.3 Penulis utama mestilah staf akademik aktif;
- 3.4 Dana hanya diberikan kepada permohonan yang tidak mempunyai geran atau jika geran yang dimiliki tidak sepadan dengan tajuk manuskrip yang dipohon;
- 3.5 Dana hanya diberikan sekali bagi setiap pemohon;
- 3.6 Jika manuskrip ditarik balik selepas dana diberikan, pemohon perlu memulangkan jumlah dana yang diterima
- 3.7 Had maksimum pembiayaan bergantung kepada kadar yang telah ditetapkan oleh setiap jurnal.

4.0 TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara rasmi kepada Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPI), FUU;
- 4.2 Semua dokumen sokongan perlu dikemukakan dengan lengkap;
 - Borang permohonan seperti di pautan :
<https://tinyurl.com/BorangCajPemprosesan2026>
 - Salinan bukti penerimaan manuskrip (surat/emel)
 - Salinan bukti transaksi pembayaran (invois/resit/penyata kad kredit)
 - Salinan penyata bank (nama pemohon dan nombor akaun)
 - Salinan manuskrip yang diterima
 - Borang Daftar Pembekal (jika berkaitan) untuk bayaran terus sahaja
- 4.3 Permohonan akan dipertimbangkan oleh Kedekanan FUU
- 4.4 Keputusan kelulusan akan dimaklumkan dalam tempoh 30 hari selepas permohonan lengkap diterima

Pejabat Timbalan Dekan Penyelidik dan Inovasi (TDPI)
Fakulti Undang-undang
9 Januari 2026

Diluluskan dalam Mesyuarat Kedekanan Bil.1/2026 bertarikh 13 Januari 2026.